

KOD ETIKA PENGEDAR

Para pengedar adalah diwajibkan untuk mematuhi Kod Etika HW pada setiap masa. Pihak Syarikat berhak menamatkan keahlian seseorang pengedar pada bila-bila masa sekiranya beliau melanggar Kod Etika tersebut.

Perikraran Pengedar:

1. Saya akan menuruti segala peraturan serta bertingkah laku jujur, tulus dan ikhlas dalam menjalani perniagaan HW.
2. Saya akan mematuhi peraturan dan syarat yang termaktub di bawah Akta Jualan Langsung pada setiap masa.
3. Saya tidak akan melakukan sebarang penipuan atau perbuatan yang menjejaskan reputasi dan nama baik Syarikat, industry jualan langsung dan para pengedar bagi tujuan memperkembangkan perniagaan HW.
4. Saya akan menerangkan Pelan Pemasaran HW dengan tepat dan jujur serta memberi keterangan yang jelas dan lengkap mengenai tahap usaha yang diperlukan untuk mencapai kejayaan tanpa melebihi stok.
5. Saya tidak akan mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan atau perkara yang negative atau memburukkan nama Syarikat, produk, pengurusan Syarikat atau kakitangan Syarikat atau pengedar yang lain bagi tujuan kepentingan peribadi. Saya akan menghormati perniagaan jualan langsung sepenuhnya.
6. Saya tidak akan menjual produk Syarikat selain dari harga yang dipreskripsi atau yang diluluskan oleh Syarikat.
7. Saya tidak akan menggunakan nama perniagaan, informasi, bahan cetakan, penulisan, bahan pengiklanan dan perhimpunan atau sumber Syarikat lain untuk kepentingan perniagaan lain.
8. Saya akan berusaha sedaya upaya dalam memastikan pelanggan dan pengedar di bawah tajaan saya berpuas hati dengan produk Syarikat dan perkhidmatan yang diberi.

PERATURAN DAN REGULASI PENGEDAR

Peraturan & Regulasi Pengedar HW berikut digubal dengan tujuan mempertahankan hak-hak kepentingan pengedar Syarikat dan bukannya bertujuan untuk menyekat aktiviti para pengedar Syarikat. Demi membentuk diri anda menjadi seorang pengedar HW yang bertanggungjawab serta beretika, anda harus memahami dan mematuhi Peraturan & Regulasi ini, yang mana ianya mempunyai objektif dalam membina satu persekitaran perangkaian perniagaan yang sihat demi perniagaan berjangka panjang dan berkeuntungan anda di HW, menggalakkan kesatuan dan kerharmonian positif dalam kalangan pengedar, dan antara pengedar dan Syarikat. Kekuatan dan kejayaan anda sebagai seorang pengedar HW adalah usaha kolektif, yang berasaskan pada perkongsian komitmen dan kepercayaan yang wujud antara Syarikat dan para pengedar.

Adalah tanggungjawab setiap pengedar untuk (i) membaca, memahami, mematuhi dan memastikan bahawa ia peka dan beroperasi di bawah versi Peraturan & Regulasi yang terkini; (ii) mengemaskini butir-butir perhubungan dan alamat surat-menyurat/emel mereka kerana Syarikat akan menghantar komunikasi kepada alamat pengedar terakhir yang diketahui yang disimpan di dalam data maklumat Syarikat. Setiap Pengedar bersetuju bahawa perhubungan antara seorang pengedar dengan Syarikat adalah berkontrak keseluruhannya. Maka, Syarikat tidak akan mengakui sebarang tuntutan oleh seseorang pengedar bahawa perhubungan tersebut adalah atau telah bersifat kuasi-kontrak, telah ditimbulkan oleh implikasi daripada sebarang amalan berterusan atau aksi, telah diberikan kuasa secara lisan oleh mana-mana pekerja Syarikat dalam percanggahan dengan Peraturan & Regulasi atau polisi atau selain diimplikasikan menurut undang-undang.

Peraturan & Regulasi Pengedar HW dalam bentuk yang sedia ada kini dan seperti yang dipinda oleh Syarikat dari masa ke masa tanpa memberi sebarang pemberitahuan adalah diperbadankan ke dalam dan membentuk sebahagian penting daripada Borang Permohonan Pengedar serta kontrak antara Syarikat dan pengedar.

1 Kelayakan Untuk Menjadi Seorang Pengedar

- a) Sesiapa yang berumur sah di sisi undang-undang dan bermastautin di Malaysia, Singapura dan Brunei layak memohon sebagai Pengedar HW dengan melengkapkan Borang Permohonan Pengedar secara manual atau e-pendaftaran. Permohonan yang menggunakan nama Syarikat atau nama orang lain tidak akan diterima.
- b) Pihak Syarikat berhak menolak permohonan pengedar tanpa memberi sebarang notis atau alasan.
- c) Seorang pengedar Syarikat tidak boleh mengaku atau memperkenalkan diri sebagai wakil Syarikat, agen, kakitangan atau suami/isteri kakitangan Syarikat.
- d) Semua permohonan seseorang pengedar mesti ditaja oleh seorang penaja yang telah menjadi pengedar Syarikat yang sah.

- e) Pasangan suami isteri yang sah masing-masing boleh menjadi ahli jualan langsung dengan syarat bahawa mereka ditaja oleh salah seorang. Sekiranya terdapat sebarang pelanggaran, kedua-dua mereka akan dihukum bersama, dan juga keahlian ditamatkan.
- f) Pasangan suami isteri yang baru berkahwin juga boleh menjadi ahli di bawah tajaannya tanpa menjejaskan rangkaian organisasi sedia ada.

2 Penyata Bonus

- a) Semua Bonus dikira secara bulanan dan berdasarkan bulan SV tersebut.
- b) Bonus Bulanan akan dibayar melalui perbankan pada atau sebelum 15hb bulan berikutnya; dalam sesetengah situasi yang tidak dapat diramal, mungkin akan wujud kelewatan yang disebabkan oleh faktor luaran yang di luar kawalan Syarikat.
- c) Selepas menerima Penyata Bonus bulanan, pengedar harus menyemak untuk memastikan bahawa angka adalah betul. Sebarang pertanyaan harus dibuat dalam tempoh 14 hari dari tarikh pengeluaran penyata. Jika tidak, Penyata Bonus tersebut akan dianggap betul.

3 Tatacara Pembetulan bagi Pelanggaran Peraturan Regulasi

- a) Pelanggaran Peraturan & Regulasi ini merupakan satu kesalahan yang amat serius dan membawa kepada pemungkiran kontrak oleh pengedar. Perbuatan ini bukan sahaja mengakibatkan kesan yang buruk kepada pengedar itu sendiri malah melibatkan rakan seperniagaan yang lain juga. Hal ini juga mungkin akan menimbulkan imej mengaibkan serta tanggapan negative terhadap Syarikat, para pengedarnya, rakan kongsi perniagaan, pegawai, pemegang saham, Lembaga Pengarah dan ejennya daripada orang ramai, pihak media, dan pihak berkuasa berkaitan.

Oleh itu, Syarikat berusaha membimbing dan memberikan nasihat supaya keadaan ini dapat diperbetulkan. Namun, sekiranya kes-kes yang terlibat terlalu serius, Syarikat akan mengambil tindakan yang lebih tegas. Jika ini berlaku, tatacara yang berikut harus dipatuhi:

- i) Sebaik sahaja seseorang pengedar jualan langsung dapat mengesan sebarang salah laku, beliau hendaklah mengisi borang aduan yang disediakan oleh Syarikat dan membuat laporan secara terperinci berhubung dengan perkara yang terbabit kepada pihak Syarikat. Pengadu juga dikehendaki memberitahu Uplinenya mengenai aduan tersebut.
- ii) Selepas menerima laporan, Syarikat akan menghubungi pengedar yang diadu supaya mengemukakan maklum balas mengenai aduan tersebut dengan segera.
- iii) Jika Syarikat mendapati bahawa maklumat yang diberikan oleh kedua-dua pengadu dan pengedar tersebut tidak mencukupi, pihak Syarikat berhak meminta mana-mana pihak untuk mengemukakan butir-butir yang lebih lengkap. Syarikat pada bila-bila masa boleh membeku komisen di bawah pelan pemasaran dan apa jua kempen produk, insentif serta menarik balik manfaat dan keistimewaan pengedar yang sedang menunggu keputusan muktamad daripada siasatan.
- iv) Setelah menerima butir-butir lengkap berkaitan dengan aduan, Syarikat akan memanggil pengedar yang terbabit untuk berbincang bagi memastikan ianya tidak diulangi. Jika perlu, aduan tersebut juga akan dikemukakan untuk perbincangan selanjutnya oleh Syarikat dengan nasihat daripada para pemimpin tertinggi dan pihak Pengurusan.
- v) Sekiranya aduan diselesaikan dengan adil dan penggantungan atau pelucutan kelayakan pengedar tersebut dianggap sebagai cara yang paling berkesan untuk menangani masalah ini, maka Syarikat harus mengutus surat kepada pengedar yang berkenaan. Surat berkenaan harus dikirim melalui surat berdaftar ke alamat terkini pengedar yang tercatat dalam data maklumat Syarikat dan akuan penerimaan dikehendaki. Dalam surat yang berkenaan, aduan dan cara-cara untuk mengatasi masalah tersebut serta tempoh yang dibenarkan akan dijelaskan.
- vi) Jika pengedar yang melanggar etika perniagaan tidak mematuhi cadangan yang dikemukakan seperti yang dinyatakan dalam surat untuk tempoh yang dibenarkan, maka ini akan mengakibatkan pelucutan keahliannya.

- vii) Syarikat berhak mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pengedar yang keahliannya telah dilucutkan serta meminta ganti rugi yang sewajarnya berdasarkan peruntukan undang-undang mengikut tatacara yang ditetapkan.
- viii) Sekiranya diperlukan, pihak pengurusan Syarikat berhak meminda sebarang tatacara tersebut di atas tanpa sebarang pemberitahuan selanjutnya.
- b) Syarikat akan mengutuskan surat berdaftar untuk memaklumkan pengedar tentang penggantungan/penamatan keahliannya.
- c) Pasangan suami isteri yang berdaftar sebagai pengedar, jika salah satu pihak melanggar peraturan, kedua-duanya akan dihukum untuk mengelakkan sebarang kes penipuan.

4 Perwakilan yang dibuat oleh Pengedar terhadap Syarikat

- a) Pengedar Syarikat harus menyampaikan kebaikan produk Syarikat dan Pelan Pemasaran HW yang dianjurkan oleh Syarikat secara jujur, ikhlas dan adil. Pengedar tidak boleh menyebarkan sebarang maklumat mengenai Syarikat, produk Syarikat dan lain-lain yang tidak tepat dan tidak benar.
- b) Penerangan mesti dibuat bahawa program anjuran Syarikat adalah untuk perjualan produk Syarikat. Ia juga harus diterangkan bahawa keuntungan Cuma akan diperolehi melalui hasil pekerjaan secara bersungguh-sungguh dan usaha yang gigih.
- c) Pengedar tidak harus membuat sebarang kenyataan atau pengakuan yang bertentangan dengan kandungan risalah yang dikeluarkan oleh Syarikat. Jika nama Syarikat dirosakkan di atas sebab tersebut, pengedar yang berkaitan akan menanggung semua kos pembayaran atas tindakan mereka. Di samping itu, pengedar yang berkaitan tidak boleh mengaitkan Syarikat atas pembayaran kos kerosakan.
- d) Semua kenyataan mengenai peraturan dan penggunaan produk mestilah diselaraskan dengan mengikut polisi yang ditetapkan oleh Syarikat.

5 Label dan Pembungkusan

- a) Pengedar Syarikat tidak dibenarkan mengubah, melabel semula, membungkus semula, membendel semula, membuka bendel, atau menjual dalam urai atau menukar sebarang produk Syarikat atau menjual sebarang produk di bawah nama atau label yang dikesahkan oleh Syarikat.
- b) Semua produk Syarikat harus dipasarkan dan dijual dalam bentuk serta pembungkusan yang asal.
- c) Pengedar dilarang mempamer atau menjual produk Syarikat di tempat awam atau persendirian kecuali mendapat kebenaran penulisan dari Syarikat.

6 Harga

- a) Pengedar dilarang memotong atau menaikkan harga barangan Syarikat untuk meningkatkan keuntungan atau jumlah jualan mereka.
- b) Perbuatan yang tidak beretika ini akan menyebabkan tindakan undang-undang diambil atau pelucutan keahlian sebagai seorang pengedar Syarikat.
- c) Keuntungan dari Pelan Pemasaran dan keyakinan pengedar-pengedar yang lain mestilah dipertahankan pada setiap masa.
- d) Peningkatan and pemotongan harga dalam konteks di atas bermaksud:
 - i) Semua pengedar harus menjual produk dengan harga runcit, seperti yang ditetapkan atau dipreskripsi dalam senarai harga Syarikat, dan tidak dibenarkan menaikkan atau memotong harga sebarang produk.
 - ii) Semua pengedar tidak dibenarkan mengadakan aktiviti promosi, melainkan mendapat kebenaran bertulis daripada pihak Syarikat.
 - iii) Produk yang diperolehi dari promosi jualan atau barang tawaran istimewa harus dijual dengan harga runcit.
 - iv) Semua pengedar tidak dibenarkan mendesak, menggalak, membiarkan atau mengajar downline

untuk menerima pembayaran balik bonus/komisen dalam persaingan harga.

- v) Penganalisis tidak dibenarkan menjual produk Syarikat kepada downline atau sidelines atau kumpulan sahabat dengan tidak melaporkan prestasi Syarikat kepada Syarikat.
- vi) Semua penganalisis tidak dibenarkan menjual atau membeli produk kepada atau untuk kakitangan Syarikat dan sebaliknya.

7 Pengiklanan dan Kegunaan Nama

- a) Penganalisis Syarikat tidak harus mengiklankan produk dan/atau Pelan Pemasaran HW tanpa memperoleh kebenaran secara bertulis dari Syarikat terlebih dahulu kecuali menggunakan bahasa atau kandungan yang sama seperti yang digunakan dalam bahan-bahan percetakan Syarikat.
- b) Selain daripada bahan cetak yang akan dibekal dan/atau dijual oleh Syarikat kepada penganalisis, seseorang penganalisis tidak boleh menggunakan nama Syarikat, logo Syarikat, dan/atau lain-lain hak milik Syarikat tanpa memperoleh kebenaran secara bertulis dari Syarikat terlebih dahulu. Sekiranya tempoh keahlian seseorang penganalisis berakhir, keahlian digantung/ditamatkan, beliau:
 - i) Harus mengeluarkan dan memberhentikan kegunaan semua lambing Syarikat dan/atau pernyataan-pernyataan yang lain.
 - ii) Tidak harus menggunakan sebarang nama, lambing, label, alat tulis, nama produk, hak cetak, reka bentuk dan/atau bahan percetakan yang berkaitan dengan sebarang produk Syarikat.
- c) Penganalisis Syarikat tidak dibenarkan mendaftar atau mengguna sebarang nama, nama perniagaan, logo atau nama produk Syarikat dalam sebarang laman web, alamat URL, nama kawasan, media pengiklanan elektronik atau bentuk pengiklanan yang lain.
- d) Sekiranya berlaku pelanggaran, Syarikat berhak untuk mengambil tindakan undang-undang.

8 Perebutan Tajaan

- a) Tiada perebutan tajaan penganalisis dibenarkan. Perebutan tajaan dalam konteks ini bermaksud:
 - i) Menaja penganalisis yang sedia ada dari kumpulan lain.
 - ii) Menaja isteri/suami seorang penganalisis yang lain.
 - iii) Menaja penganalisis tajaan lain untuk menjalankan perniagaan sementara keahliannya masih sah.
 - iv) Membenarkan orang lain atau saudara mara untuk menggunakan keahlian sendiri untuk tujuan perniagaan.
- b) Apabila perebutan tajaan berlaku, tindakan berikut akan diambil:
 - 1. i) Penganalisis yang menaja rakan penganalisis atau pasangan penganalisis dari kumpulan lain, keahliannya akan dilucutkan.
 - ii) Semua penganalisis yang terlibat mesti dipindahmilik semula kepada penaja asalnya.
 - 2. i) Jika pasangan "A" kepunyaan penganalisis "B" didapati ditaja oleh kumpulan lain.
 - ii) Keahlian "A" diberhentikan dan semua downlinenya dipindah kepada "B".
 - 3. i) Jika seorang penganalisis "A" didapati menggunakan keahlian orang lain atau saudara maranya "B" untuk menjalankan perniagaan.
 - ii) Keahlian "B" akan dilucutkan dan semua downlinenya akan dipindah kepada "A".
- c) Syarikat berhak:
 - i) Menahan pembayaran bonus penganalisis tersebut.
 - ii) Melucutkan keahlian penganalisis tersebut.

9 Perletakan Keahlian, Pengantungan Sendiri, Penamatan Keahlian atau Hilang Keupayaan Berkerja

- a) Ahli yang mengekalkan minimum 1SV (PS) di mana-mana bulan SV dalam tempoh keahliannya, keahliannya

- akan dikekalkan selama 12 bulan dari bulan SV yang terakhir beliau membuat pembelian. Sebaliknya, keahliannya akan dibatalkan secara automatik pada pengakhiran bulan SV yang ke-12.
- b) Seorang Penedar yang telah tamat tempoh pendedarannya hanya boleh memohon semula sebagai Penedar sekali lagi selepas 1 bulan kalendar dari tarikh luput. Tarikh luput selalu pada hari terakhir dalam sebulan.
 - c) Contoh: Jika pendedaran tamat tempoh pada SV9 2019 (30 September 2019), permohonan baru hanya boleh dikemukakan dari 1 November 2019 dan seterusnya.
 - d) Penedar boleh memilih untuk meletak jawatan sebagai penedar dengan memberitahu Syarikat secara bertulis, manakala downlinenya akan dipindah kepada upline/penaja beliau.
 - e) Penedar mesti menunggu selepas penamatan keahliannya (12 bulan dari pembelian terakhir dibuat) atau enam (6) bulan selepas HW menerima surat perletakan keahlian (perkara mana-mana yang kemudian sebelum memohon semula sebagai penedar.
 - f) Penedar boleh memilih untuk menggantung pendedarannya dengan notis bertulis kepada Syarikat. Dengan berbuat demikian, penedar mesti menunggu sehingga penedar tamat (12 bulan dari pembelian terakhir) sebelum membuat permohonan semula sebagai Penedar.
 - g) Penedar yang telah meletak jawatan, menggantung atau tamat keahlian tidak dibenarkan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, melibatkan diri dalam pembinaan atau perkembangan sebarang keahlian Syarikat. Beliau mesti berhenti memperkenalkan diri sebagai penedar Syarikat dan berjanji untuk tidak mempengaruhi penedar, pekerja atau agen Syarikat yang sedia ada atau subsidiarinya dalam sebarang perbuatan yang mungkin akan membahayakan, mempengaruhi, bertentangan atau lain-lain yang mengganggu operasi atau imej Syarikat.
 - h) Bagi penedar yang telah meletak jawatan atau keahliannya yang digantung atau ditamatkan, beliau tidak layak lagi menikmati pangkat keahliannya dan semua faedah dan hak di bawah Pelan Pemasaran HW, arahan tersedia untuk pembelian akan datang akan diberhentikan, dan Syarikat akan membayar balik dana yang tidak digunakan (jika ada) selepas menolak kos-kos pentadbiran. Downlinenya akan dipindah kepada penajanya. Penedar yang tamat keahliannya tidak dibenarkan menuntut sebarang tuntutan atau lain-lain ganjaran daripada Syarikat. Penedar yang meletak jawatan, menggantung atau tamat keahliannya boleh memohon semula menjadi penedar baru dengan kelulusan dari Syarikat mengikut Klausa 9 (d).
 - i) Sesiapa yang memohon semula menjadi penedar Syarikat tidak boleh membuat tuntutan untuk bonus/insentif, pangkat atau kedudukan yang dinikmati atau dipegang oleh beliau sebelum penamatan keahliannya.
 - j) Apabila penedar meninggal dunia, hilang keupayaan bekerja atau menghadapi masalah kesihatan, perjanjian ini akan dipindahkan kepada waris penedar seperti yang dinyatakan dalam Notis Pencalonan dan/atau dokumen lain yang dipreskripsi oleh Syarikat dan yang selaras dengan undang-undang relevan id Negara terbabit.
 - k) Syarikat berhak menuntut sebarang ganti rugi daripada penedar yang ditamatkan keahliannya sekiranya beliau didapati memungkir sebarang Peraturan & Regulasi yang tercatat di sini atau mengambil bahagian dalam sebarang kerugian dari segi kewangan atau kerugian lain kepada Syarikat.

10 Prinsip Penajaan

- a) Penedar tidak dibenarkan menukar penajanya. Syarikat tidak mengizinkan penedar menukar sebahagian atau semua ahli kumpulannya kepada orang lain.
- b) Penedar tidak dibenarkan mempunyai lebih daripada satu keahlian, Syarikat mempunyai hak mutlak untuk membatalkan keahliannya.
- c) Semua permohonan penukaran penaja atau pemindahan seluruh kumpulan peribadi tidak dibenarkan.

11 Perkahwinan

- a) Jika 2 penedar telah berkahwin, keahlian masing-masing boleh dikekalkan pada pangkat asal atau memohon kepada Syarikat untuk menamatkan salah satu keahlian pendedarnya.

- b) Sekiranya salah seorang pendedar yang berkahwin ingin menamatkan keahliannya dan menukar kerjasama dengan pasangannya, di mana struktur organisasi asal mestilah dikekalkan. Contoh: Pendedar yang menamatkan keahlian, kesemua downline pendedar akan dimiliki oleh upline pendedar tersebut.
- c) Suami yang mempunyai lebih daripada seorang isteri sah, isteri lain yang ingin menjadi pendedar mesti ditaja di bawah keahlian suami.
- d) Pendedar merujuk kepada klausa (11a), (11b) and (11c) dikehendaki mengemukakan satu salinan sijil perkahwinan dan surat pengakuan status poligami (untuk 11c) kepada Syarikat. Jika beliau gagal berbuat demikian, maka beliau akan dianggap telah melanggar Peraturan & Regulasi Syarikat.
- e) Atas budi bicara Syarikat untuk memutuskan bahawa (keputusan ini adalah muktamad) tingkah laku para pendedar dan suami atau isteri tersebut melanggar Peraturan & Regulasi Syarikat. Syarikat berhak menamatkan keahlian pendedarnya.
- f) Pendedar boleh memiliki atau mempunyai hak sebagai keahlian tunggal sahaja melainkan mematuhi syarat berikut:
 - i) Pendedar sedia ada membeli keahlian yang lain.
 - ii) Pendedar (yang bertindak sebagai pemindah milik) boleh memindah hak pendedar jika kematian suami atau isteri berlaku, merayu agar pemindahan nama orang lain ditambah kepada keahlian. Penerima hak pendedar mestilah merupakan saudara yang terdekat, iaitu suami/isteri, ibu bapa, anak, adik atau abang serta kakak kandung dan pemindahan mesti dibukti dengan dokumen berkaitan. Nama pemindah milik harus dikekalkan keahlian sehingga kematiannya dan dokumen sokongan pelan estet mesti dikemukakan kepada Syarikat. Pemindahan tersebut adalah berasaskan kepada syarat dan peraturan Syarikat dan Syarikat berhak menolak pemindahan tanpa memberikan sebarang sebab.
- g) Pendedar harus memberitahu Syarikat tentang isu di atas. Jika beliau gagal berbuat demikian, maka akan dianggap telah melanggar Peraturan & Regulasi Syarikat.

12 Penceraian

- a) Apabila keahlian dipisahkan atas sebab penceraian, pemisahan harus dikendalikan secara adil and tidak mempengaruhi kebaikan nama-nama pihak di rangkaian tajaan yang sama.
- b) Dalam tempoh sebelum perceraian diputuskan, kedua-dua pihak tidak dibenarkan menjalani atau mengambil bahagian dalam sebarang perniagaan jualan langsung. Jika tidak, ia akan dianggap sebagai pelanggaran.
- c) Kedua-dua pihak berkewajiban untuk menyerahkan perjanjian perceraian kepada Syarikat.
- d) Sekiranya kaedah ini tidak dilakukan dengan baik, ia perlu dikendalikan selaras dengan undang-undang dan peraturan Negara.

13 Penjualan Keahlian

Penjualan keahlian tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

- a) Hanya pendedar berpangkat Pengarah Crown (CD) dan ke atas yang berprestasi baik dalam Syarikat dan tidak melanggar Peraturan & Regulasi boleh menjual keahlian mereka. Pendedar mesti memohon kelulusan daripada Syarikat sebelum menjual keahliannya secara rasmi. Kelulusan akan berasaskan kelayakan dan niat bakal pembeli untuk mengurus dan tertakluk kepada persetujuan dan kelulusan Syarikat.
- b) Penjualan keahlian hendaklah dikendalikan melalui susunan keutamaan berikut:
 - i) Keutamaan pertama - Penaja terus pendedar
 - ii) Keutamaan kedua - Salah seorang pendedar
 - iii) Keutamaan ketiga - Salah seorang Pengarah Gold downline yang ditaja oleh pendedar berkenaan
 - iv) Keutamaan keempat - Salah seorang pendedar Syarikat yang berpangkat Pengarah Gold atau yang ke atas.

- c) Sekiranya penjualan diluluskan oleh Syarikat, pihak pembeli dan penjual mesti menandatangani satu perjanjian jual beli. Senaskah perjanjian yang dicop sah mesti diberi kepada Syarikat untuk disimpan.
- d) Semua pengedar yang telah menjual keahlian mereka selepas 1 tahun dari tankh jualan atau pemindahan boleh memohon sebagai pengedar baru Syarikat. Walau bagaimanapun, sebagai pengedar baru, mereka dikehendaki bermula dari peringkat baru.
- e) Semua bonus yang dicapai oleh keahlian yang dijual akan dibayar kepada Pemilik baru. Anugerah dan pengiktirafan yang telah diberikan kepada keahlian tersebut akan dipindahmilik kepada pemilik baru, jika pemilik baru seorang pengedar Syarikat yang sedia ada. Walau bagaimanapun, pemilik baru hendaklah mencapai kelayakan yang diperlukan sebelum beliau berhak memperoleh sebarang anugerah dan pengiktirafan yang terikat pada keahlian yang dipindahmilik.
- f) Menjual dan membeli keahlian dianggap sebagai satu cara mengubah keahlian dan tidak digalakkan oleh Syarikat. Urusniaga seumpama itu akan dikawal dengan ketat oleh Syarikat untuk mengelakkan sebarang pelanggaran polisi lain yang penting.
- g) Syarikat berhak menolak sebarang penjualan keahlian tanpa memberikan sebarang penjelasan.

14 Kelakuan yang Dilarang

Seorang pengedar tidak dibenarkan:

- a) Mengakibatkan sebarang tanggungjawab dalam masalah kewangan dengan nama atau di atas nama Syarikat;
- b) Membuat, mengubah, menukar, atau memberhentikan sebarang kontrak di atas nama Syarikat;
- c) Menjalani perundingan kontrak dan/atau perjanjian di atas nama Syarikat;
- d) Menaja atau meminta atau cuba menaja atau meminta sebarang pengedar Syarikat untuk melibatkan diri dalam sebarang perdagangan, perniagaan atau profession yang merupakan persaingan Syarikat;
- e) Meminta sebarang pengedar Syarikat untuk membeli sebarang produk bukan kepunyaan Syarikat atau peluang perniagaan atau melibatkan diri dalam sebarang perdagangan, perniagaan atau profession yang merupakan persaingan Syarikat;
- f) Melakukan atau berminat sama ada secara langsung atau tidak langsung atau sama ada sebagai prinsipal, ejen, pekhidmat atau pemegang lesen dalam penjualan apa-apa produk atau barangan selain daripada Syarikat dalam mana-mana perdagangan, perniagaan atau profesion bersaing dengan Syarikat.
- g) Berjanji tidak akan mempengaruhi pengedar, pekerja atau agen Syarikat yang sedia ada atau subsidiarinya dalam sebarang perbuatan yang mungkin berbahaya, mempengaruhi, bertentangan atau lain-lain yang akan mengganggu operasi atau imej Syarikat;
- h) Melibatkan diri dalam sebarang kenyataan media yang berkaitan dengan maklumat korporat (termasuk temu duga peribadi yang dibenarkan) kepada surat khabar/majalah/lain-lain tanpa kebenaran bertulis terdahulu daripada Syarikat.
- i) Eksport atau import atau menjual kepada orang yang import atau eksport produk HW dari negara lain
- j) Di mana HW telah menubuhkan operasi di mana-mana negara tidak kira sama ada HW telah melakukan perniagaan di negara itu atau tidak.

15 Ketidaktuntutan Hak

- a) Kegagalan dalam penguatkuasaan atau perlaksanaan sebarang Peraturan & Regulasi yang dicatatkan di sini tidak bererti bahawa kehilangan kekuasaan sebarang Peraturan & Regulasi ini atau bahawa Syarikat telah mengetepikan hak-hak yang dicatatkan di sini.
- b) Sebarang ketidak-tuntutan hak oleh Syarikat cuma boleh dijadikan sah oleh seorang pegawai yang berkuasa dari Syarikat dengan secara bertulis.

16 Perubahan dan/atau Pindaan

Pengedar harus mematuhi Peraturan & Regulasi Syarikat dan sebarang pemindaan yang dilakukan oleh Syarikat dari semasa ke semasa. Pemindahan tersebut akan disiarkan dalam majalah HW atau pemberitahuan dihantar kepada pengedar.

Pengiriman & Penghantaran

Kami sangat komited terhadap perkhidmatan pelanggan yang berkualiti serta pengalaman pembelian atas talian yang menyenangkan. Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan, keraguan atau ingin maklumat lanjut, sila hubungi kami di:

Talian Hotline: 03-8656 9999
WhatsApp: +6012-652 3372
E-mel : careline@healthyway.com.my

Ketersediaan Produk

Pilihan Kami

Healthy Way menawarkan banyak pilihan produk untuk memudahkan proses pembelian atas talian anda. Sekiranya anda tidak dapat mencari produk yang anda inginkan di laman web Healthy Way www.healthyway2u.com, anda boleh menghubungi wakil khidmat pelanggan kami di Hotline 03-8656 9999, WhatsApp +6012-652 3372 atau hantarkan e-mel kepada kami di careline@healthyway.com.my dan kami akan membantu anda.

Produk Dalam-Stok

Kami akan proses pesanan anda sebaik sahaja pembelian dalam talian anda selesai. Pesanan yang sah bersama bayaran yang dibuat sebelum jam 1:00ptg akan diproses pada hari bekerja yang sama manakala bagi pesanan yang dibuat selepas jam 1:00ptg akan diproses pada hari bekerja yang seterusnya.

Waktu Penghantaran

Pelanggan boleh menjangka pesanan mereka dihantar mengikut jadual yang tertera di bawah, bermula daripada hari yang anda melakukan pembelian atas talian yang telah dilengkapkan bersama bayaran. "Hari Bekerja" adalah hari Isnin sehingga Jumaat, dan tidak termasuk hari Sabtu, Ahad serta cuti peristiwa, cuti am mengikut negeri, cuti umum dan cuti persekutuan. Walau bagaimanapun, beberapa syarikat penghantaran juga menghantar pesanan pada hari Sabtu sebelum jam 1:00ptg.

Jadual dibawah merupakan rangka masa penghantaran jangkaan bagi negara Malaysia.

Kawasan	Hari Penghantaran
Semenanjung Malaysia	3 hari perniagaan
Sabah & Sarawak	5 hari perniagaan
ODA-Kawasan Di Luar Penghantaran (cth. Felda/ Estet)	7 to 14 hari perniagaan
NSA-Kawasan yang tidak dapat diservis	7 to 21 hari perniagaan

Sila ambil perhatian bahawa anda mungkin diminta untuk memungut pakej anda di suatu pusat pemungutan yang tertentu sekiranya anda ingin menghantar pakej anda ke suatu kawasan yang berada dalam 'Kawasan Di Luar Penghantaran' atau 'Kawasan yang tidak dapat diservis'.

Sila ambil perhatian bahawa kami tidak menghantar pakej ke Peti Surat PO. Kami mencadangkan agar penghantaran ditujukan kepada alamat rumah atau alamat syarikat perniagaan di mana terdapat seorang penerima yang bersedia untuk menandatangani penghantaran tersebut semasa waktu bekerja.

Semua jangkaan adalah berasaskan hari bekerja.

Bagi tujuan perlindungan, semua bungkusan dikehendaki untuk penerima menandatangani. Sila ambil perhatian bahawa syarikat penghantaran hanya akan membuat percubaan penghantaran sebanyak dua (2) kali sebelum memulangkan

semula pakej anda ke Healthy Way.

Kaedah Penghantaran

Syarikat penghantaran akan menghantar bungkusan ke alamat yang dinyatakan pada nota konsainan. Sekiranya didapati tiada wakil yang boleh menerima bungkusan pihak syarikat penghantaran akan meletakkan 'NOTIS TIDAK DITERIMA' atau "TIADA RUMAH" dalam peti surat anda. Syarikat penghantaran akan melakukan percubaan kedua setelah menerima arahan daripada penerima untuk melakukan penghantaran semula. Sekiranya percubaan kedua masih gagal, pakej berkenaan akan dikembalikan kepada Healthy Way untuk tindakan selanjutnya. Satu "Yuran Penghantaran Semula" akan dikenakan jika pembeli ingin pesannya untuk dihantar semula.

Penghantaran Lambat

Syarikat penghantaran akan menghubungi anda sekiranya mereka tidak dapat menghantar bungkusan anda pada waktu yang ditetapkan. Sekiranya anda ingin mendapatkan maklumat tentang lokasi bungkusan anda, sila hubungi syarikat penghantaran yang berkenaan. Anda juga boleh menghubungi Wakil Khidmat Pelanggan kami di talian 03-8656 9999, WhatsApp +6012-652 3372 atau e-mel kepada kami di careline@healthyway.com.my sekiranya anda tidak menerima pesanan anda dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja.

Penghantaran Antarabangsa

Asal negara keahlian anda menentukan negara yang anda akan melakukan pembelian. Kami tidak membenarkan penghantaran di luar Kawasan atau sempadan negara. Ini bermaksud anda tidak boleh melakukan suatu penghantaran ke luar negara di mana keahlian anda didaftarkan, contohnya, jika ID keahlian anda didaftarkan di Malaysia anda hanya boleh melakukan pembelian di laman web Healthy Way Malaysia, anda tidak boleh melakukan pembelian di Malaysia untuk penghantaran ke Singapura.

Kos Penghantaran

Healthy Way menawarkan penghantaran percuma ke mana-mana alamat di Malaysia seperti di bawah:

Kawasan	Penghantaran Percuma	Kos Penghantaran
Semenanjung Malaysia, Sabah & Sarawak	pesanan \geq DP300	RM10 pesanan <DP300

Kos penghantaran akan dimasukkan dalam jumlah pesanan anda sebelum langkah pembayaran bagi pembelian atas talian.

Anda boleh daftar masuk ke www.healthyway2u.com dan klik pada "Sejarah Pembelian" untuk melihat kos penghantaran dalam invois anda dan setiap penghantaran bersama nama syarikat penghantaran dan maklumat nombor 'tracking', sekiranya ada.

Yuran Penghantaran Semula

Penghantaran semula merujuk kepada penghantaran semula bungkusan yang dipulangkan atau tidak dapat dihantar selepas beberapa cubaan penghantaran oleh syarikat penghantaran. "Yuran Penghantaran Semula" sebanyak RM10 ke Semenanjung Malaysia, Sabah & Sarawak akan dikenakan jika anda ingin menghantar semula bungkusan yang telah dipulangkan kepada satu alamat yang ditetapkan.

Bagi penghantaran semula setiap pesanan yang dipulangkan, anda harus melakukan membuat bayaran dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja; gagal berbuat demikian akan mengakibatkan pesanan berkenaan dikategorikan sebagai "Penghantaran Gagal". Sila hantarkan e-mel kepada kami atau hubungi wakil Khidmat Pelanggan kami untuk melakukan tindakan selanjutnya sekiranya anda masih ingin kami menghantar semula pesanan anda yang telah dikategorikan "Penghantaran Gagal":

E-mel: careline@healthyway.com.my

WhatsApp: +6012-652 3372

Talian: 03-8656 9999

(Waktu bekerja: Isnin hingga Jumaat 9:30pg sehingga 6:30ptg & Sabtu hingga Ahad 11:00pg sehingga 6:00ptg)

Anda boleh daftar masuk ke www.healthyway2u.com dan klik pada "Sejarah Pembelian" selepas satu (1) hari bekerja untuk menyemak maklumat.

Peraturan dan Sekatan Penghantaran

- Healthy Way tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penangguhan yang disebabkan oleh kejadian di luar kawalan.
- Produk hanya akan dihantar ke alamat yang sah (dan bukan ke alamat peti surat PO) di Malaysia sahaja.
- Masa penghantaran adalah antara 9:00pg hingga 5:00ptg dari hari Isnin sehingga Jumaat antara jam 9:00pg sehingga 1:00ptg pada hari Sabtu. Tiada penghantaran yang dilakukan pada hari Ahad dan Cuti Umum, Cuti Am Negeri atau Cuti Persekutuan.
- Perubahan pada alamat penghantaran dan bil tidak akan dilayan setelah pesanan disahkan.
- Sekiranya anda menemui sebarang kerosakan pada produk anda setelah menerima bungkusan tersebut, sila ambil perhatian kepada prosedur yang berikut, dan kegagalan berbuat demikian akan diabaikan hak anda untuk:
 1. Penuntut harus memberitahu Khidmat Pelanggan Healthy Way dalam tempoh tiga (3) hari bekerja selepas menerima bungkusan pesanan.
 2. Seorang wakil Khidmat Pelanggan daripada Ibu Pejabat Healthy Way atau cawangan terdekat akan menjalankan pemeriksaan ke atas bungkusan yang rosak tersebut.
 3. Sekiranya pemeriksaan pengesahan pada bungkusan berkenaan rosak disebabkan oleh pihak Healthy Way atau syarikat penghantaran, pihak menuntut harus memulangkan produk berkenaan, bungkusan asal dan salinan nota *consignment* kurier untuk tujuan pertukaran.Nota: Healthy Way berhak menolak sesuatu pertukaran sekiranya pihak menuntut tidak dapat memberikan bungkusan asal dan salinan nota *consignment* kurier.

Polisi Bayar Balik (Pembatalan Belian)

Healthy Way eShop menawarkan produk yang berkualiti tahap antarabangsa kepada setiap pelanggan kami. Kami juga memberikan jaminan gantian produk sekiranya produk yang anda beli tidak menepati kualiti atau mempunyai kecacatan dari kilang. Bagaimanapun, jaminan ini tidak merangkumi kerosakan atau pencemaran yang disebabkan produk tamat tempoh, kelalaian atau tindakan yang disengajakan.

Jaminan Runcit

Dalam sebarang kejadian yang kurang memuaskan, kecacatan dari kilang atau pembungkusan, pelanggan runcit boleh mengembalikan atau menukar produk berkenaan di Ibu Pejabat Healthy Way atau Cawangan dalam tempoh 90 hari dari tarikh pembelian. Para pelanggan harus memberikan alasan yang munasabah dan pulangkan produk berkenaan bersama salinan resit pesanan pelanggan atau invoice rasmi Healthy Way eShop. Produk yang dipulangkan harus dalam keadaan baik, masih boleh diguna, boleh dijual semula, boleh disimpan semula, tidak dibuka, tidak diubah dan belum tamat tempoh penggunaan.

Sekiranya sesuatu produk dikembalikan setelah komisen dibayar, jumlah yang dibayar akan ditolak berdasarkan kiraan polisi Beli Balik.

Para pelanggan harus sertakan lamiran berikut semasa memulangkan produk:

- 1) Borang Pengembalian Produk
- 2) Alasan pengembalian
- 3) Salinan Invoice
- 4) Salinan Resit Pesanan Pelanggan/ Invoice rasmi Healthy Way eShop

Polisi Beli-Balik

Healthy Way eShop membekalkan Polisi Pembelian-Balik kepada mana-mana pengedar yang ingin menamatkan keahliannya dan mengembalikan produk Healthy Way yang dibeli dalam tempoh 90 hari dari tarikh perletakan jawatannya dengan syarat bahawa barangan yang dikembalikan adalah dalam keadaan baik, boleh dipakai, boleh dijual semula, boleh disimpan semula, tidak dibuka, tidak diubah dan belum tamat tempoh penggunaannya.

Setelah permohonan diluluskan, jumlah yang akan dipulangkan bersamaan dengan harga pengedar (DP) produk yang dipulangkan, ditolak jumlah bonus yang dibayar atas pembelian asal serta 10% caj perkhidmatan pada DP produk (atas caj pengendalian dan pengangkutan).

Polisi Pembelian-balik ini direka untuk memastikan penaja bertanggungjawab dan Healthy Way mempunyai obligasi untuk memastikan bahawa para pengedar membeli produk secara waras. Para pengedar diminta untuk membeli produk yang mampu dijual oleh mereka dalam tempoh 90 hari.